



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

MESYUARAT MAJLIS KONSULTASI PENERBANGAN NEGARA (NATIONAL AVIATION CONSULTATIVE COUNCIL - NACC) TAHUN 2025

Kuala Lumpur, 27 Ogos 2025 – YB Menteri Pengangkutan telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Konsultasi Penerbangan Negara (*National Aviation Consultative Council* – NACC) pada 27 Ogos 2025 di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini telah dihadiri seramai 95 orang kepimpinan tertinggi Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan Persekutuan dan pemain industri utama sektor penerbangan negara seperti pengendali lapangan terbang, syarikat-syarikat penerbangan, *ground handlers*, persatuan-persatuan pekerja sektor penerbangan dan lain-lain pihak berkepentingan.

NACC diwujudkan sebagai platform untuk pemain industri penerbangan dan pihak berkepentingan bekerjasama bagi membincangkan isu-isu semasa yang dihadapi oleh industri dan jalan penyelesaiannya serta mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk meningkatkan tahap kecekapan operasi dan perkhidmatan yang ditawarkan dalam industri penerbangan.

Mesyuarat NACC pada kali ini telah memberi fokus kepada komitmen dan inisiatif Kerajaan untuk menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai sebagai hab penerbangan kargo.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Ini dipengaruhi perkembangan positif kenaikan tahun ke tahun sebanyak 4.4% bagi jumlah kargo yang dikendalikan oleh lapangan-lapangan terbang di Malaysia sepanjang suku kedua tahun 2025 iaitu sebanyak 272,939 tan metrik berbanding 261,385 tan metrik bagi tempoh yang sama pada tahun 2024.

Daripada 272,939 tan metrik kargo yang telah dikendalikan sepanjang suku kedua tahun 2025, sebanyak 60,770 tan metrik atau 22.3% adalah kargo domestik dan sebanyak 202,911 tan metrik atau 74.3% adalah kargo antarabangsa dan selebihnya 9,258 tan metrik atau 3.4% adalah kargo transit.

Kerajaan Malaysia komited menyokong agenda kelestarian global dan usaha menangani perubahan iklim, selaras dengan *Long Term Aspirational Goal* (LTAG) yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organization* (ICAO) untuk mencapai karbon sifar bersih pada tahun 2050 bagi penerbangan antarabangsa.

Susulan cadangan pengenalan mandat adunan SAF yang sedang diterajui oleh Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK), Kementerian Pengangkutan menggalakkan lebih banyak sesi libat urus diadakan dengan semua pihak yang terlibat terutama syarikat-syarikat penerbangan negara bagi memastikan pelaksanaan SAF tidak memberi impak negatif kepada daya saing sektor penerbangan negara.

Usaha penyahkarbonan sektor penerbangan memerlukan pendekatan *whole-of-nation*, melibatkan kerajaan, syarikat penerbangan, pengendali lapangan terbang, penyedia trafik udara dan pihak industri untuk Malaysia mencapai aspirasi sebagai hab penerbangan mampan serantau.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

NACC pada hari ini juga telah membincangkan dan memutuskan beberapa tindakan susulan untuk menyelesaikan beberapa isu berikut:

- (i) kajian semula pelaksanaan *Green Lane* bagi menyelesaikan isu kesesakan pemeriksaan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) di KLIA Terminal 1 dan Terminal 2;
- (ii) penambahbaikan pengurusan slot di lapangan terbang oleh *National Slot Coordination Malaysia* (NSCM);
- (iii) penubuhan *Task Force* bagi Projek Penggantian *Baggage Handling System* (BHS) untuk memantau kemajuan pelaksanaan projek dengan pelaporan berkala kepada Kementerian Pengangkutan;
- (iv) pelaporan berkala oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi memastikan projek-projek pembangunan lapangan terbang dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan; dan
- (v) kemudahan aksesibiliti antara Terminal 1 dan 2 bagi penumpang dan bagasi di kawasan *airside* di antara KLIA Terminal 1 dan Terminal 2 akan dibangunkan MAHB bagi memastikan ketersambungan berterusan penumpang dan bagasi antara kedua-dua terminal.

NACC turut dimaklumkan mengenai pelaksanaan penuh rasionalisasi antara Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2025. Bermula tarikh tersebut, semua fungsi MAVCOM termasuk pengawalseliaan ekonomi kini dilaksanakan oleh CAAM. Ini menjadikan CAAM sebagai satu-satunya





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

badan kawal selia penerbangan awam negara yang menyeluruh, merangkumi aspek teknikal, keselamatan dan ekonomi.

Secara keseluruhannya, NACC Tahun 2025 telah berjaya mengetengahkan pelbagai pandangan, idea dan input bernas dari semua pihak berkepentingan untuk menjayakan Tahun 2025 dengan program dan inisiatif yang memacu pertumbuhan ekonomi serta menyokong kesejahteraan rakyat. Mesyuarat NACC akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang dengan matlamat memperkukuhkan daya saing dan kebolehcapaian sektor pengangkutan yang lebih efektif dan efisien.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

27 OGOS 2025

– TAMAT –

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat,**

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Faks +603 8892 0208
E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

